

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR-BN]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 9)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menangani dan mengawal penyalahgunaan bahan di kalangan atlet yang diharamkan oleh IOC. Strategi jangka pendek dan jangka panjang.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Agensi Anti *Doping* Malaysia (ADAMAS) telah merangka strategi jangka pendek iaitu dengan mengukuhkan program ujian berdasarkan strategi yang akan menguji semua atlet individu sekurang-kurangnya sekali sehingga tiga kali setahun, sementara atlet sukan berpasukan akan diuji menurut protokol ujian yang ditetapkan. Amalan Smart Testing akan juga menguji atlet-atlet daripada sukan yang berisiko tinggi lebih daripada tiga kali setahun. Selain daripada sampel air kencing, ujian *anti doping* akan merangkumi ujian darah, pemantauan berterusan melalui *athlete biological passport* (ABP) dan ujian berkala untuk mengesan *steroid profile*. Elemen risikan dan siasatan juga akan dilaksanakan untuk memantau dan melindungi atlet dari kesalahan *doping* contohnya seperti menyekat bekalan *steroid* dan bahan terlarang lain yang kini mudah dijual secara atas talian(*online*) di laman sosial seperti *facebook*. Pemeriksaan mengejut di tempat penginapan atlet di asrama dan di tempat latihan juga akan dilaksanakan.
- b) Manakala untuk persiapan menghadapi sesuatu Temasya Sukan contohnya Sukan SEA di Singapura, maka ADAMAS akan membuat ujian ke atas semua atlet yang terlibat daripada 36 jenis sukan. ADAMAS akan menguji semua atlet dalam sukan individu dan untuk sukan berpasukan pula mengikut protokol pemilihan yang ditetapkan.

- c) Selain itu, masyarakat sukan keseluruhannya perlu mengamalkan budaya *Zero Tolerance*, dan pendidikan *anti doping* juga dilaksanakan dengan agresif dan menyeluruh di mana program ini memfokuskan bukan sahaja atlet malah para jurulatih dan semua pemegang taruh harus mempunyai sikap yang serius dalam membanteras gejala ini bersama. Setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam menyokong dan membantu ADAMAS di dalam usaha ini. Program-program yang menitikberatkan informasi, kesedaran dan aspek nilai-nilai moral akan dilaksanakan bagi memastikan para atlet dan jurulatih peka terhadap informasi semasa mengenai *anti doping*.
- d) Manakala bagi strategi jangka panjang pula, Program Pendidikan yang berasaskan nilai moral dilaksanakan dalam membanteras gejala *doping* di dalam aktiviti sukan. Antaranya dengan pemantauan berterusan dalam latihan supaya peningkatan prestasi adalah kerana program latihan yang dirancang. Maka peningkatan prestasi dapat dikenal pasti sama ada ia adalah prestasi sebenar atau penggunaan bahan terlarang.
- e) Selain itu, Kementerian akan mengkaji undang-undang sedia ada untuk dikuatkuasakan dalam membendung bekalan dan sebaran bahan terlarang.

Sekian, terima kasih.